

# Enam strategi tangani ketidaksamaan sosioekonomi

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan akan melaksanakan enam strategi utama bagi menangani ketidaksamaan sosioekonomi di antara kumpulan etnik, wilayah bandar dan luar bandar, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam.

Beliau berkata, strategi berkenaan ialah membasmi kemiskinan, menambah baik pengagihan pendapatan, menyusun semula hak milik, menyusun semula guna tenaga, mencapai keseimbangan wilayah dan membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera

(MPPB).  
 “Kemiskinan mutlak di Malaysia terus menyusut dan berkurangan dari 5.7 peratus pada tahun 2004 kepada 3.6 peratus pada tahun 2007.

“Jumlah isi rumah miskin juga berkurangan sebanyak 33 peratus daripada 311,300 kepada 209,000 dalam tempoh sama. Pengurangan insiden dan bilangan isi rumah miskin ini adalah hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang mantap serta pelaksanaan pelbagai program dan projek membasmi kemiskinan,” katanya.

Abdullah berkata demikian semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) di Dewan Rakyat semalam.

Katanya, pengurangan kemiskinan di bandar berkurangan daripada 2.5 peratus pada tahun 2004 kepada dua peratus pada tahun 2007 sementara manakala kawasan luar bandar mencatatkan penurunan ketara daripada 11.9 peratus kepada 7.1 peratus.

Beliau berkata, kemiskinan di Sabah telah berkurangan daripada 23 peratus pada tahun 2004 kepada 16 peratus pada 2007 manakala di Sarawak menurun dari 7.5 peratus pada tahun 2004 kepada 4.2 peratus tahun 2007.

“Lebih membanggakan lagi, kemiskinan tegar kini telah berkurangan daripada 1.2



ABDULLAH AHMAD BADAWI

peratus pada tahun 2004 kepada 0.7 peratus pada tahun 2007 selain bilangan isi rumah miskin tegar berkurangan sebanyak 43 peratus iaitu 67,300 kepada 38,400 dalam tempoh sama,” katanya.

Berasaskan prestasi ini, kerajaan yakin sasaran RMK-9 untuk membasmi kemiskinan tegar menjelang 2010 akan dapat dicapai, katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan meneruskan usaha merapatkan jurang pendapatan antara isi rumah luar bandar dan bandar dengan tumpuan diberikan kepada bahagian pendapatan di kalangan isi rumah 40 peratus terendah bagi membentuk kumpulan berpendapatan pertengahan yang lebih besar dan makmur.

“Pendapatan isi rumah purata di kalangan rakyat Malaysia terus mencatat peningkatan iaitu daripada RM3,249 pada tahun 2004 kepada RM3,686 pada tahun 2007.

“Semua etnik mencatatkan peningkatan pendapatan isi rumah dalam tempoh sama dengan bumiputera meningkat sebanyak 5.2 peratus setahun kepada RM3,156 sebulan, manakala isi rumah kaum Cina meningkat kepada kadar tiga peratus setahun kepada RM4,853 dan isi rumah India pada kadar 3.2 peratus kepada RM3,799,” katanya.

Katanya, hasil daripada peningkatan pendapatan isi rumah luar bandar yang lebih tinggi, nisbah ketidaksamaan pendapatan purata antara luar bandar dengan bandar bertambah baik iaitu daripada 1: 2.1 pada 2004 kepada 1: 1.9 pada 2007 dengan melepasi sasaran RMK-9 iaitu 1: 2 menjelang 2010.

Ketidaksamaan pendapatan purata antara bumiputera dengan kaum Cina terus bertambah baik dengan nisbahnya mengecil daripada 1: 1.6 pada tahun 2004 kepada 1: 1.5 pada tahun 2007, katanya.

Abdullah berkata, ketidaksamaan antara kaum bumiputera dengan kaum India juga bertambah baik dengan nisbahnya menyusut daripada 1: 1.27 kepada 1: 1.2 pada tempoh sama.  
 - BERNAMA